

**Kertas Tema MABIMS 2016:**  
**HAK ASASI MANUSIA DARI PERSPEKTIF ISLAM: PERTIMBANGAN DAN APLIKASI**  
Republik Singapura

---

## **Pendahuluan**

1. Hak asasi manusia, ataupun *Human Rights* merupakan antara perkara dasar yang dimiliki setiap insan. Ia bertujuan untuk menjamin maruah dan penghormatan insan, tanpa mengambilkira latarbelakang, bangsa mahupun agama mereka.<sup>1</sup>
2. Hasil daripada rentetan kejadian yang berlaku di Barat satu ketika dahulu, ia telah menyumbang dan menggerakkan usaha untuk mengubal suatu piawai moral untuk menetapkan hak asasi manusia. Antaranya adalah peristiwa Magna Carta pada tahun 1215; konsep hukum alam (*natural law*<sup>2</sup>); revolusi Perancis yang berlaku antara 1789-1799; Deklarasi Kemerdekaan dan Perlembagaan Amerika Syarikat; industrialisasi dan bantahan terhadap eksploitasi buruh yang digerakkan kelompok Sosialis dan Komunis; yang kemudiannya diikuti dengan peperangan dan konflik yang berterusan disebabkan peperangan dunia pertama dan kedua, kemudian penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) pada tahun 1945 dan diikuti dengan penggubalan deklarasi hak asasi manusia (Universal Declaration of Human Rights, UHRD) pada tahun 1948.<sup>3</sup>
3. Prof. Sachedina memberi gambaran umum berkaitan latarbelakang penulisan teks UHRD tersebut, beliau menyatakan:

---

<sup>1</sup> "Article 02- Everyone is entitled to all the rights and freedoms, set forth in this Declaration, without distinction of any kind, such as race, color, sex, language, religion, political or other opinion, national or social origin, property, birth or other status...". Sila lihat: *Universal Declaration of Human Rights, United Nations, 2015, pg 6*.

<sup>2</sup> Konsep hukum alam (natural law) memiliki asal daripada zaman Yunani sehingga ke zaman Romawi serta terus berkembang sehingga ke zaman ini. Ia telah disusun rapi oleh ahli teologi Thomas Aquinas. Beliau mendefinisikan hukum alam sebagai "*the rational individual's participation in the divine law, and consequently the guide to morality and ethics*". Sila lihat: Dalacoura, *Islam, Liberalism and Human Rights*, p.6.

<sup>3</sup> *Pengantar Hak Asasi Manusia Moden Dan Hujah Sangkalan Ia Bertentangan Dengan Islam*, Mohd Faizal Musa, *International Journal of the Malay World and Civilization (JMAN)* 3 (3), 2015, p.80. Sila lihat: Elisabeth Reichert, 2006. Sila lihat: Johannes, Morsink, *The Universal Declaration of Human Rights: Origins, Drafting and Intent* (1999).

*There is context to every text. The Universal Declaration of Human Rights provides a good example of this observation. The language that was constructed at the height of European colonialism over the ruins of the world wars and atrocities committed by humans against human (under various pretexts of racial or religious claims of superiority of one people over another) could not have evolved without some kind of soul-searching into the depth of moral and spiritual heritage of the colonizers...<sup>4</sup>.*

4. Latarbelakang penulisan dokumen UHRD secara zahir mengambilkira beberapa pertimbangan. Rentetan daripada beberapa kejadian yang melanda eropah dan negara barat ketika itu, maka dokumen yang terhasil memiliki kecenderungan, keperluan dan juga pertimbangan eropah/barat (*eurocentric*). Ia merupakan antara punca utama kritikan pelbagai pihak terhadap deklarasi tersebut. Ada yang berpendapat bahawa deklarasi tersebut gagal mengambilkira budaya dan norma masyarakat asia kerana hanya memberi penumpuan kepada budaya barat.<sup>5</sup> Sebahagian pengkaji Muslim pula berpendapat bahawa deklarasi tersebut tidak mengambilkira nilai-nilai kebudayaan (*cultural values*), lebih khusus lagi berhubungan dengan hak asasi individu sama ada secara umum dalam sebuah masyarakat, ataupun pada aspek nilai-nilai kekeluargaan.<sup>6</sup>

5. Hasil daripada kritikan pengkaji dan pemikir Islam terhadap dokumen deklarasi tersebut, lahirlah beberapa deklarasi hak asasi daripada beberapa negara-negara Islam sebagai penjelasan perspektif Islam berkaitan hak asasi manusia. Seperti “Deklarasi Islam Universal Tentang Hak Asasi Manusia” (Islamic Universal Declaration of Human Rights, IUDHR) yang dilakarkan pada tahun 1977 di Abu Dhabi. Deklarasi tersebut mengambilkira hak-hak asasi manusia seperti yang ditetapkan *Universal Declaration of Human Rights*. IUDHR, terdiri dari 22 fasal bermula dengan hak untuk hidup, hak untuk mendapatkan kebebasan, hak, persamaan dan keadilan.

---

<sup>4</sup> Abdulaziz Sachedina, *Islam and the Challenge of Human Rights* (Oxford: Oxford University Press, 1<sup>st</sup> Print, 2009) pg 7.

<sup>5</sup> Hoon, Chang Yau (2004), *Revisiting the Asian Values Argument used by Asian Political Leaders and its Validity*, Indonesian Quarterly, 32(2), 154-174.

<sup>6</sup> Abdulaziz Sachedina, *Islam and the Challenge of Human Rights* (Oxford: Oxford University Press, 1<sup>st</sup> Print, 2009) pg 5.

ia juga menyentuh tentang hak golongan minoriti, kebebasan pada pelbagai aspek seperti kepercayaan, berbicara, dan hak-hak berkaitan dengan keluarga dan wanita.

6. Selain IUDHR lahir pula Cairo Declaration on Human Rights in Islam (CDHRI) yang dilakarkan anggota Organization of Islamic Conference (OIC) pada tahun 1990. Deklarasi Kaherah bertujuan untuk menzahirkan dan juga mengenalpasti hak asasi manusia menurut prespektif Islam. Sekiranya Deklarasi Hak Asasi Manusia tidak menyertakan pertimbangan teks-teks agama di dalam deklarasi tersebut, memandangkan ia digubal untuk mempertahankan hak asasi semua insan, Deklarasi Kaherah pula bertujuan untuk menghubungkan hak-hak asasi (yang diiktiraf syarak) yang telah dikenalpasti dengan sumber wahyu.

7. Daripada ini menjadi jelas dua falsafah pemikiran yang berbeza disebalik hak asasi manusia di sisi Islam berbanding dengan apa yang digubal oleh United Nations pada tahun 1948. Saya ringkaskan perbezaan pemikiran tersebut pada dua poin utama: **Pertama**: Sumber dan punca segala hak di sisi Islam adalah Allah s.w.t..melalui wahyuNya kepada para Anbiya'. Atas dasar itu, perbincangan tentang segala jenis hak (hak insan, hak wanita, hak kanak-kanak, hak haiwan, hak tumbuh-tumbuhan dan sebagainya) menjadikan wahyu sebagai sandaran utamanya. **Yang kedua**: Aspek keinsanan seorang insan, yang merupakan antara aspek yang amat dititikberatkan Islam. Sebelum perbincangan dan perincian segala hak-hak insan, Islam memerhatikan perbincangan keinsanan seorang insan terlebih dahulu. Penjelasan ringkas dua aspek tersebut seperti berikut:

*Aspek pertama: Hak Asasi Manusia (UHRD) dan sumber wahyu*

8. Oleh kerana kerangka hak asasi manusia moden yang digubal oleh United Nations pada tahun 1948 sebagai usaha untuk mempertahankan nasib dan kedudukan "semua" manusia. Ia menetapkan taraf manusia itu pada kedudukan pertama.<sup>7</sup> Penggubal kerangka tersebut juga telah memisahkan aspek wahyu dan agama daripada kerangka tersebut untuk memastikan kesesuaiannya bagi segenap

---

<sup>7</sup> Pengantar Hak Asasi Manusia Moden Dan Hujah Sangkalan Ia Bertentangan Dengan Islam, Mohd Faizal Musa, International Journal of the Malay World and Civilization (JMAN) 3 (3), 2015, p.89.

lapisan masyarakat daripada pelbagai negara, dengan mengambilkira beberapa aspek selain agama, seperti hukum alam (*natural law*).<sup>8</sup>

9. Di sisi Islam, segala jenis hak berasal dari tuhan. Allah s.w.t. mencipta insan, dan Dia telah menetapkan segala hak, hukum-hakam dan panduan bagi insan sebagai suatu tanda kemuliaan (*takrīm*) yang dikurniakan kepadanya. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud: *Sesungguhnya telah kami muliakan (karramnā) anak Adam.* (Surah Al-Isra': 70). Al-Qadi 'Iyad berkata: *Sesungguhnya hukum-hakam Syariah [yang terdiri daripada] perintah dan larangan, terkandung disebaliknya dorongan untuk mendekatkan [melalui ibadah] dan berlaku baik, dan juga [terdapat] cegahan daripada [melaksanakan] kemungkaran dan kemaksiatan, terdapat pula hukum yang membenarkan (ibāḥtan), memandangkan padanya [iaitu hukum-hakam tersebut] kebaikan bagi alam ini, dan pembangunan bagi anak adam. Kesemua pembahasan fiqh dan kitab-kitab [objektifnya] berlegar-legar sekitar kalimat-kalimat tersebut.*<sup>9</sup>

10. Oleh itu, di sisi Islam, segala jenis hak berasal daripada Allah s.w.t.. Dia yang mengurniakan kepada insan segala hak sebagai suatu kemuliaan buat dirinya. Pada waktu yang sama hak-hak tersebut juga merupakan taklif yang akan dipersoalkan esok di akhirat. Allah s.w.t. mengurniakan kepada insan keseluruhan dunia ini untuk dipergunakan dan ditadbirnya dengan tepat dan adil. Disebalik kurniaan hak kepada insan, insan seharusnya menunaikan ibadah kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar pengibadatan. Dari ini timbulnya kewajipan dan pertanggungjawapan ke atas insan.<sup>10</sup> Imam Al-Qarrafi menjelaskan: Perbezaan ke-22 di antara kaedah hak Allah s.w.t. dan hak manusia, seperti berikut: Hak Allah s.w.t. adalah perintahnya dan larangannya, adapun hak seorang hamba adalah kemaslahatannya.<sup>11</sup> Sheikh 'Alal Al-

---

<sup>8</sup> Natural Law, atau Hukum Alam/ Undang-undang semula jadi merupakan falsafah berbentuk universal, yang menetapkan bahawa hak atau nilai-nilai tertentu yang wujud boleh difahami melalui akal manusia. Dari segi sejarah, undang-undang semula jadi merujuk kepada penggunaan akal untuk menganalisa peribadi sifat insan dan juga hal keadaan sosialnya. Bagi mendatangkan dengan Kesimpulan kaedah-kaedah tertentu sebagai dasar dan juga pengikat tingkah laku moral. Sila lihat: Leo Strauss, "Natural Law", 1968, *International Encyclopedia of the Social Sciences*. Macmillan.

<sup>9</sup> Al-Qadi Iyad, *Tartīb Al-Madārik*, juz 1 hlmn 92.

<sup>10</sup> Abdullah bin Bayyah, *Hiwār 'an Bu'd Ḥawla Ḥuqūq Al-Insān fi Al-Islām*, Riyadh, Obeikan, cetakan pertama 2006/1427H, p.22.

<sup>11</sup> Al-Qarrafi, *Al-Furuq*, juz 1, p140.

Fasiy pula menyatakan bahawa Syariah adalah apa yang Allah s.w.t. menginginkan sebagai taklif ke atas insan. Ia tidak semestinya sejajar dengan hukum alam ataupun berbeza daripadanya, kerana Syariah bertujuan untuk menguruskan kebiasaan (*al-ṭabʿ*).<sup>12</sup>

11. Seajar dengan pemahaman di atas, fasal 24 daripada Deklarasi Kaherah menyatakan: “*All the rights and freedoms stipulated in this declaration are subject to Islamic Sharia.*” Adapun fasal ke 25 menetapkan: “*The Islamic Sharia is the only source of reference for the explanation or clarification of any of the article of this Declaration.*”

12. Falsafah hak manusia menurut Islam seperti yang dinyatakan para ulama Islam mencerminkan pendirian jumbuh Ahli Sunnah Wal Jamaah, di bawah naungan akidah Asya'irah berkaitan isu *At-Taḥsīn wa At-taqbīḥ Al-Aqlīyyain*, baik dan buruk menurut akal. Oleh kerana di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah status suatu perkara sebagai baik ataupun buruk perlukan didasari dengan sandaran wahyu. Oleh itu, apa yang ditetapkan Allah sw.t. sebagai baik, maka ia menjadi baik dan dianggap suatu kemaslahatan yang perlu dipelihara. Begitu juga sebaliknya, apa yang ditetapkan tuhan sebagai buruk, ia menjadi satu kemudaratan yang perlu dijauhi. Kerana itu, segala hukum-hakam, penetapan Syarak dan juga hak-hak adalah ditetapkan tuhan berdasarkan wahyu. Atas dasar itu, segala ijtihad, kerangka pemikiran, idea dan sebagainya haruslah sejajar dengan pandangan dan penetapan syarak.<sup>13</sup>

*Aspek kedua: Keinsanan insan*

13. Menurut Sheikh Ahmad Ar-Raisuniy, tidak dapat kita nafikan bahawa deklarasi Hak Asasi Manusia (UHRD) merupakan antara perkembangan positif yang disaksikan masyarakat dunia modern. Walaubagaimana pun beliau bertanggungjawab bahawa kerangka teks UDHR telah mengabaikan satu aspek penting yang seharusnya menjadi dasar utama pertimbangan. Menurutnya sebelum kita berbincang tentang hak-hak insan dan nilai-nilai yang perlu dipertimbangkan, seharusnya pertimbangan

---

<sup>12</sup> 'Alal Al-Fasiy, *Maāṣid Al-Sharī'ah Al-Islāmiyyah wa Makārimuha*, Kaherah, Darus Salam, cetakan kedua, 2013/1434H, p. 159.

<sup>13</sup> Pendekatan Asyairah tersebut bercanggahan dengan pendekatan golongan Muktazilah, yang berpendapat bahawa penetapan sesuatu sebagai baik ataupun buruk boleh dilaksana melalui akal insan.

yang saksama diberikan kepada aspek “keinsanan” terlebih dahulu.<sup>14</sup> Apakah pandangan Islam tentang insan?

14. Bermula dengan penciptaan insan (Surah Al-Baqarah: 30) daripada segumpal tanah yang diberi bentuk lalu ditiup ke dalam insan daripada ruhNya (Surah Al-Hijr: 28-29). Dia mencipta insan dalam keadaan penciptaan yang paling baik (Surah Al-Tin: 4). Kemudian dikurniakan kepadanya ilmu (Surah Al-Baqarah: 31) dan diajarkan kepada insan apa yang tidak diketahuinya (Surah Al-Alaq: 5). Ayat-ayat tersebut menggambarkan kemuliaan insan daripada seluruh makhluk ciptaanNya. Bahkan belum pernah ada makhluk lain selain insan yang telah ditiupkan ke dalamnya ruh kurniaan tuhan. Menurut Sheikh Ar-Raisuniy tiupan ruh tersebut merupakan suatu pengkhususan bagi insan. Ia membezakan diri insan daripada segenap makhluk yang lain. Bahkan insan memperolehi kemuliaan dan darjat yang tinggi disebabkan tiupan ruh tersebut. Dan disebabkanNya Allah s.w.t. memerintahkan para malaikat untuk sujud kepada Adam.

15. Maka unsur “ruh” di dalam insan merupakan sebahagian daripada insan itu sendiri, ia tidak boleh dipisahkan daripadanya. Iblis hanya melihat kepada asal penciptaan insan daripada tanah. Maka yang dilihat hanyalah kemuliaan unsur api daripada tanah. Dia gagal mengambilkira aspek kemuliaan “ruh” kurniaan Allah s.w.t. bagi insan. Segala usaha/kerangka tidak mampu mencapai kebenaran dan ketetapan apabila ia mengabaikan aspek “ruh” dalam pertimbangannya. Apabila aspek “ruh” dipisahkan daripada insan, yang terbaki hanyalah keperluan jasmani yang secara zahir terdiri daripada keinginan, harapan serta hak-hak jasmani ataupun fizikal, jauh daripada keperluan kerohanian dan agama.

*Hak asasi manusia (UDHR) dan Islam.*

16. Terdapat pelbagai penulisan dan kajian masa kini sama ada yang mengkritik deklarasi hak asasi manusia (UDHR) berdasarkan beberapa justifikasi dan sebab yang tertentu. Ada pula yang berusaha untuk mencari titik persamaan antara deklarasi hak asasi tersebut dengan apa yang dibawa Islam. Secara dasarnya untuk menyatakan bahawa kerangka Hak Asasi Manusia Antarabangsa (UHRD) adalah

---

<sup>14</sup> Ahmad Ar-Raisuniy, Muhammad Al-Zuhaily dll, *Huqūq Al-Insān: Miḥwar Al-Maqāṣid Al-Sharī'ah-Kitab Al-Ummah*, (Doha, Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam, cetakan pertama, 2002, p.44).

serupa seperti apa yang dibawa Islam, merupakan satu perkara yang agak sukar, memandangkan kerangka pemikiran antara kedua-duanya adalah berbeza (seperti yang telah dijelaskan di atas).

17. Akan tetapi tidak dapat kita nafikan bahawa secara dasarnya terdapat beberapa persamaan pada sebahagian kerangka UHRD dengan prinsip yang dibawa Islam. Seperti yang dinyatakan Sheikh Abdullah bin Bayyah, sebagai umat Islam yang hidup di kurun yang ke 21 ini, seharusnya kita berusaha mencari peluang dan ruang untuk bersepakat dan bukannya berpecah belah. Mencari titik persamaan pada nilai-nilai bersama (*shared values*) kemanusiaan sebagai dasar dan peluang untuk bekerjasama dan bukannya sebaliknya.<sup>15</sup>

18. Rene Cassin, salah seorang penggubal utama UDHR 1948 berpendapat bahawa teks deklarasi tersebut berdiri di atas empat dasar utama; ialah maruah kehormatan (*dignity*); kebebasan dan kemerdekaan (*liberty*); kesetaraan dan kesamaan (*equality*) dan persaudaraan (*brotherhood*).<sup>16</sup>

19. Daripada empat rukun utama deklarasi tersebut, dapat dikenalpasti beberapa titik pertemuan dan persamaan antara teks deklarasi tersebut dengan apa yang dibawa Islam. Dalam tradisi keilmuan Islam, terdapat pelbagai teks dan sandaran yang -sama ada secara umum mahupun secara khusus- menyokong dan mendorong penerapan nilai-nilai murni tersebut dalam kehidupan individu dan masyarakat. Nilai-nilai seperti kehormatan, kemerdekaan, kesamaan dan persaudaraan, merupakan antara nilai-nilai murni yang dibawa Islam lebih daripada 1400 tahun yang dahulu.

20. Allah s.w.t. menetapkan prinsip **kemuliaan insan** dalam firmanNya yang bermaksud: "*Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam. Kami angkat mereka di daratan dan lautan dan Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik serta Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan ciptaan Kami*". (Surah al-Isra: 70).

---

<sup>15</sup> Abdullah bin Bayyah, *Şinā'atu Al-Fatwā* (Beirut: Dar Al-Minhaj, cetakan pertama, 2007/1428H, p. 306).

<sup>16</sup> *Pengantar Hak Asasi Manusia Moden Dan Hujah Sangkalan Ia Bertentangan Dengan Islam*, Mohd Faizal Musa, *International Journal of the Malay World and Civilization (JMAN)* 3 (3), 2015, p.80.

21. Berkaitan **kebebasan insan**, ia terzahir tatkala Allah s.w.t. mengurniakan kepadanya akal pemikiran. Yang mana melalui fakulti pemikiran kurniaan Allah tersebut, ia menjadi faktor utama yang membezakan insan daripada haiwan. Tiada ciptaan Allah s.w.t. lain yang dikurniakan fakulti pemikiran sepertimana yang dikurniakan kepada insan. Melaluinya insan berfikir dan merancang, bahkan dengannya insan membuat keputusan dan diberi kebebasan untuk memilih cara yang diinginiya untuk meneruskan kehidupannya di dunia ini. Saidina Umar bin Khattab r.a. menjelaskan aspek kebebasan ini pada kenyataannya yang terkenal: “*Sejak bila kamu menjadikan insan itu hamba sedangkan ibunya melahirkannya sebagai seorang yang merdeka*”.<sup>17</sup>

22. Adapun **prinsip persamaan** antara insan, ia merupakan antara prinsip utama yang dibawa agama Islam. Islam mendatangkan dengan prinsip persamaan bagi segenap lapisan masyarakat, tanpa mengambilkira perbezaan bangsa, kabilah, negara mahupun status sosial dan sebagainya. Allah berfirman: “*Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan daripadanya Allah menciptakan pasangannya, dan dari keduanya Allah mengembangkan [keturunannya] lelaki dan wanita yang ramai*”. (Surah. Al-Nisa: 1). Pada ayat yang lain Allah s.w.t. menetapkan persamaan insan tanpa mengambilkira perbezaan suku, kabilah mahupun bangsa. Allah berfirman yang bermaksud: “*Wahai manusia Kami ciptakan kamu dari lelaki dan wanita dan Kami jadikan kamu bersuku-suku dan berbangsa-bangsa agar kamu saling mengenal. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah adalah yang paling bertaqwa kepadaNya*”. (Surah al-Hujurat: 13). Nabi s.a.w. juga menegaskan prinsip ini dalam salah satu sabdanya yang bermaksud: “Tiada kelebihan seorang Arab atas yang bukan Arab, ataupun yang berkulit putih atas yang kulit hitam, melainkan atas dasar ketakwaan kepada Tuhan”.

23. Begitu juga berkaitan prinsip **persaudaraan** antara bangsa (*brotherhood*), Islam sentiasa mendorong untuk membina perhubungan antara bangsa dan diantara peradaban. Allah berfirman yang bermaksud: *Dan saling tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketaqwaan, dan janganlah kamu saling bantu-membantu dalam [urusan] dosa dan permusuhan.* (Surah Al-Ma'idah: 2).

---

<sup>17</sup> Riwayat Ibn Abdul Hakim, *Futūḥ Miṣr wa Akhbāruha*, p. 290.



24. Segala rukun-rukun hak asasi manusia tersebut, sebenarnya merupakan suatu anjakan paradigma pada pemikiran masyarakat dunia, lebih khusus lagi bagi negara yang bukan Islam. Sekiranya realiti perhubungan seribu tahun yang dahulu adalah pembahagian dunia kepada *Dār Ḥarb* dan *Dār Islām* seperti yang dinyatakan para ulama dan fuqaha', ia mencerminkan realiti kehidupan ketika itu. Menurut Sheikh Abdullah bin Bayyah, penggubalan hak asasi manusia merupakan antara sebab utama perubahan situasi.<sup>18</sup> Sebagai contoh, jumlah Muslimin yang bermastautin di negara barat dan eropah mencapai jutaan individu Muslimin. Ia merupakan suatu perkara yang tidak mampu dibayangkan oleh fuqaha' satu ketika dahulu, ketika mereka menetapkan pembahagian dunia kepada *Dār Ḥarb* dan *Dār Islām*. Pembahagian tersebut menepati realiti kehidupan masyarakat dunia ketika itu, dan tidak mencerminkan realiti kehidupan di zaman ini. Atas dasar itu menjadi kepentingan para ulama' di zaman ini untuk memberi penerangan dan penjelasan yang mencerminkan realiti zaman kini. Sekiranya perkara ini tidak diperhatikan, istilah ini (istilah *Dār Ḥarb* dan *Dār Islām*) akan terus digunakan golongan ekstrimis untuk menjustifikasi tindakan keganasan dalam negara yang masih mengamalkan dasar-dasar demokrasi.

25. Menurut Sheikh Abdullah bin Bayyah, tiada teks agama yang secara khusus yang membahagikan bumi kepada dua bahagian utama. Bahkan mengambilkira realiti kehidupan hari ini, dengan system pentadbiran negara berbentuk *nation-state*, dengan tersebarnya kaum muslimin pada setiap pelusuk bumi ini, pembahagian negara-negara kepada dua bahagian utama dianggap tidak lagi relevan.<sup>19</sup> Menurutny, selagimana sebuah negara menerapkan prinsip-prinsip utama hak asasi manusia tersebut, ia boleh dianggap sebagai *Dār Al-Silmiy*, negara keselamatan (*safety*).

### *Pemahaman agama dan hak asasi manusia*

---

<sup>18</sup> Ini merupakan pendapat Sheikh Abdullah bin Bayyah. Sama ada penggubalan hak asasi manusia merupakan sebab yang membawa kepada anjakan paradigam antara perhubungan antara budaya, negara dan juga masyarakat, ataupun penggubalan deklarasi tersebut mencerminkan realiti kehidupan masyarakat dunia ketika itu. Kedua-dua perspektif tersebut membawa kepada hasil yang sama, iaitu perubahan pada pemikiran masyarakat dunia berkaitan dengan perhubungan.

<sup>19</sup> Abdullah bin Bayyah, *Ṣinā'atu Al-Fatwā*, p. 284.

26. Terdapat pelbagai penulisan dan kajian yang berusaha untuk mengenalpasti teks-teks agama yang menyentuh hak asasi manusia, atas dasar itu kertas ini tidak akan memberi penumpuan yang mendalam pada aspek ini. Akan penumpuan akan diberikan kepada beberapa isu utama yang telah mengakibatkan tanggapan yang tidak benar terhadap Islam. Seperti persepsi bahawa di sisi Islam tidak wujud istilah ataupun idea “Hak Asasi Manusia”. Juga dakwaan bahawa prinsip hak asasi manusia bercanggahan dengan ajaran Islam. Isu-isu utama tersebut seperti 1) hak wanita, 2) hak kebebasan dan 3) juga pandangan umum tentang Syariah dan hukum-hakam Islam.<sup>20</sup> Kertas ini bertujuan untuk memberi sedikit pencerahan bagi isu-isu tersebut, bukan sebagai satu kritikan, akan tetapi sebagai satu pemerhatian umum penulis.

*Pertama: Hak Wanita menurut Islam.*

27. Hak wanita di sisi Islam sering mendapat pemerhatian dan juga kritikan sebahagian individu mahupun organisasi. Dengan tanggapan bahawa Islam tidak memberikan hak yang sepenuhnya kepada seorang wanita. Bahkan mengandaikan bahawa darjat seorang wanita di sisi Islam lebih rendah daripada seorang lelaki. Sekaligus menyimpulkan bahawa seorang wanita tidak memainkan sebarang peranan dalam kehidupan masyarakat mahupun individu, beliau seolah-olah tidak diberi peluang untuk memainkan apa-apa peranan utama, dan seharusnya menetap di rumah sahaja.<sup>21</sup>

28. Sebagai seorang Muslim, kita mengetahui bahawa Islam mengurniakan kepada wanita kemuliaan dan kehormatan. Islam tidak pernah menganggap isu wanita sebagai isu golongan wanita semata-mata, bahkan ia isu yang berhubungkait dengan keluarga dan juga masyarakat secara umum. Ia merupakan sebahagian pandangan Islam yang berusaha untuk membina akhlak serta etika masyarakat. Dengan wanita berdirinya adab dan peradaban. Tanpanya, ia boleh mengakibatkan kemusnahan bagi masyarakat. Oleh itu, pandangan Islam tentang hubungan antara wanita dengan lelaki bukanlah suatu perhubungan yang sering bertembung dan

---

<sup>20</sup> Abdullah bin Bayyah, *Hiwār ‘an Bu’d Hawla Ḥuqūq Al-Insān fi Al-Islām*, (Riyadh, Obeikan, cetakan pertama 2006/1427H, p.49-95).

<sup>21</sup> Sila lihat: Asma Afsaruddin, *Contemporary Issues in Islam*, (Edinburgh: Edinburgh University Press, 1<sup>st</sup> print, 2015) p. 86-114.

berlawanan antara satu dengan yang lain, bahkan ia merupakan satu hubungan yang saling lengkap melengkapi.

29. Adapun perbezaan yang wujud pada sebahagian penetapan syarak ke atas kaum wanita, ia bukanlah disebabkan perbezaan pada taraf ataupun pada kemuliaannya (*karāmah*), kerana kaum lelaki dan wanita adalah sama dari segi taraf dan juga pada tahap kemuliaan. Allah berfirman yang bermaksud: *Barangsiapa yang beramal soleh dari lelaki mahupun wanita, sedangkan dia beriman* (Surah Al-Nahl: 97). FirmanNya lagi: *Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan wanita, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain.* (Surah At-Taubah: 71). Nabi s.a.w. pula bersabda: *Sesungguhnya wanita adalah temannya lelaki.*<sup>22</sup>

30. Imam Al-Shathibi berkata: *Sesungguhnya lelaki dan wanita memiliki kesamaan pada asal taklif secara keseluruhan. Dan terdapat perbezaan pula berdasarkan tanggungjawab [taklif] yang sesuai dengan setiap individu.*<sup>23</sup>

31. Sebagai contoh perbezaan yang wujud berpunca daripada tanggungjawab (taklif) yang berbeza adalah seperti pada aspek pewarisan harta (faraid). Terdapat keadaan di mana wanita mewarisi kadar yang sama seperti lelaki (bahagian saudara seibu). Bahkan menurut kajian Dar Ifta' Al-Misriyah hanya terdapat empat situasi di mana seorang wanita mewarisi setengah daripada kadar apa yang diperolehi lelaki. Terdapat pelbagai situasi dan keadaan di mana seorang wanita mewarisi kadar yang sama seperti lelaki. Terdapat sepuluh situasi di mana seorang wanita mewarisi lebih daripada lelaki. Ada pula keadaan di mana seorang wanita mewarisi sedangkan keluarga lakinya tidak memperolehi pewarisan.

32. Ketika Islam menetapkan bahagian yang lebih bagi seorang lelaki, ia disebabkan tanggungjawab yang diwajibkan syarak ke atasnya. Dan esok pastinya Allah akan mempersoalkannya akan tanggungjawab tersebut sekiranya dirinya tidak menunaikannya. Maka seorang lelaki wajib memberi nafkah kepada isterinya, kepada anak-anaknya, bahkan kepada ibu dan ayahnya. Syarak mengagih-agihkan hak-hak dan kewajipan, sesuai dengan tanggungjawab.

---

<sup>22</sup> Riwayat Abu Dawud.

<sup>23</sup> Al-Shatibiy, Al-Muwafaqat, Juz 3, p. 303.

33. Beberapa lagi isu yang berkaitan, seperti penyaksian seorang wanita yang sering mendapat perhatian dan diberi penumpuan. Walaupun penyaksian lelaki menyamai penyaksian dua wanita pada sebahagian urusan, pada situasi dan keadaan yang lain, ternyata penyaksian seorang wanita boleh menyamai penyaksian dua lelaki menurut sebahagian ulama (dalam bab Rada'ah dan kelahiran).

34. Adapun berhubungan dengan penyampaian khabar, tiada perbezaan antara seorang wanita dengan lelaki. Sebagaimana khabar periwayatan hadith diterima daripada seorang lelaki, begitu juga terdapat pelbagai perawi daripada golongan wanita. Tiada yang meminta perawi hadith wanita untuk mendatangkan dengan saksi tambahan sebagai bukti bagi apa yang mereka riwayatkan. Bahkan Imam Al-Zahabi dalam *Mizān Al-'Itidāl* menyatakan tiada seorang pun perawi yang ditinggalkan periwayatannya terdiri dari golongan wanita, sama juga keadaannya pada generasi tabi'ien.<sup>24</sup>

#### *Beberapa pertimbangan penting (Hak wanita)*

35. Penyertaan wanita di zaman nabi s.a.w. dan zaman para sahabat dalam kehidupan masyarakat, menjadi bukti bahawa pemikiran yang menetapkan bahawa seorang wanita itu terkurung di rumahnya (*Habīṣatu Al-Bayt*) merupakan pemikiran yang jauh daripada realiti kehidupan. Kaum wanita mengikuti dalam peperangan seperti yang diriwayatkan Al-Bukhari hadith Al-Rabi' Binti Mu'awwiz r.a.. Mereka juga aktif memberikan pengajaran dan mengendalikan kelas-kelas agama. Imam Al-Qarrafi menyebut dalam kitabnya *Al-Zakhirah* bagaimana seorang wanita bernama Ummu Sulayman diamanahkan untuk menguruskan pasar di zaman para sahabat r.a.<sup>25</sup>

36. Apa yang ingin diketengahkan di sini adalah tugas dan peranan agamawan untuk meleraikan kekeliruan serta meluruskan pandangan. Kita mengetahui bahawa Islam telah datang dan memberi hak asasi yang saksama kepada insan, lebih khusus lagi kepada golongan wanita. Akan tetapi terdapat pula beberapa intipati ajaran agama Islam ini yang sekiranya diambil secara zahir (*lafzy*) ia boleh disalaherti dan

---

<sup>24</sup> Al-Zahabi, *Mizān Al-'Itidāl*, juz 4, p.406.

<sup>25</sup> Al-Qarrafi, *Al-Zakhirah*, p

disalah tafsir sehingga mengakibatkan penindasan kepada golongan wanita. Antaranya pemahaman *Habīṣatu Al-Bayt* yang telah dinyatakan di atas.

37. Tambahan dari ini, terdapat pula hadith-hadith yang secara zahirnya melarang seorang wanita daripada bermusafir tanpa bertemankan seorang mahram (riwayat Bukhari dan Muslim), ataupun beliau tidak boleh bermusafir sekiranya perjalanan itu merupakan perjalanan yang lama sehingga mengambil masa tiga malam (riwayat Muslim). Sekiranya dibuat kesimpulan daripada pelbagai teks agama yang berkaitan, dan dibiarkan teks-teks tersebut difahami hanya secara zahir, ia akan menghasilkan satu pemahaman yang boleh membawa penindasan kepada kaum wanita.

38. Yang disarankan bukanlah pendekatan yang mempertikaikan kesahihan teks agama, lebih khusus lagi pendekatan sebahagian penulis yang mempertikaikan kesahihan sunnah hanya kerana Al-Quran tidak menyebut hukumnya. Akan tetapi yang diperlukan adalah usaha yang berterusan untuk memahami teks agama, serta memahami konteks di sebaliknya. Apakah objektif (*Maqāṣid*) sebenar yang ingin dicapai teks tersebut? Apakah konteks yang menyelubungi sesuatu teks? Bagaimana aplikasi teks-teks tersebut di zaman ini, mengambilkira konteks serta perkembangan yang wujud di zaman ini?<sup>26</sup>

39. Sheikh Ahmad Ar-Raisuniy pada beberapa penulisannya menegaskan kepentingan untuk mengambilkira beberapa aspek yang berkaitan serta berusaha untuk mencari penafsiran yang dapat memberi huraian serta meleraikan kekusutan yang timbul.<sup>27</sup> Sebagai contoh, ketika beliau menjelaskan hadith yang melarang seorang wanita daripada bermusafir lebih daripada tiga hari tanpa mahram, beliau menyatakan bahawa hadith tersebut perlu dilihat pada konteksnya. Disebabkan kegagalan sebahagian individu untuk memahami teks hadith tersebut dengan tepat, mereka telah menetapkan panduan yang agak keras bagi golongan wanita. Seinggakan golongan wanita tidak dibenarkan bermusafir, tiada keperluan baginya untuk menyambung pengajian begitu juga peluang pekerjaan. Sedangkan hadith

---

<sup>26</sup> Peranan ulama dalam memberi bimbingan yang benar serta tepat bagi masyarakat, ia menjadi lebih kritikal lagi di zaman ini. Di mana terdapat golongan-golongan yang kurang amanah dalam menyampaikan ilmu agama, serta memutar belitkan fakta dan teks agama untuk menurut kehendak dan kesesuaian yang mereka inginkan.

<sup>27</sup> Ahmad Al-Raisūniy, *Muḥāḍarāt fi Maqāṣid Al-Sharī'ah* (Mesir: Dār Al-Kalimah, cetakan kedua, 2013/1434H), p 240-249.

tersebut berkaitan dengan situasi keamanan di suatu tempat. Oleh itu, apabila keamanan terhasil, sama ada tatkala bermusafir dengan satu kumpulan ataupun apabila tercapainya keamanan negara maka tiada larangan untuk wanita itu bermusafir sendirian. Seperti yang dinyatakan Nabi s.a.w. dalam hadith yang lain yang menceritakan tentang keadaan keamanan bagi umat Islam setelah kewafatan baginda di mana seorang wanita akan bermusafir daripada Hirah (Iraq) menunaikan tawaf di Kaabah (Mekkah) sedangkan dia tidak takut sesiapaupun melainkan Allah (riwayat Bukhari).<sup>28</sup>

#### *Kedua: Hak Kebebasan menurut Islam*

40. Berkaitan **kebebasan insan**, sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, ia tercapai ketika dikurniakan kepada insan akal pemikiran. Melaluinya insan berfikir dan merancang, bahkan dengannya insan membuat keputusan dan diberi kebebasan untuk memilih cara yang diinginiya untuk meneruskan kehidupannya di dunia ini.

41. Piagam Madinah yang dilakarkan Baginda s.a.w. dan dipersetujui penduduk Madinah telah mengariskan beberapa hak asasi. Seperti hak kebebasan yang telah diberikan kepada keseluruhan penduduk Madinah, tanpa mengira agama ataupun bangsa. Diantaranya juga adalah hak kerakyatan, hak kebebasan beragama dan jaminan keselamatan, hak hidup atau jaminan keatas nyawa, hak untuk mendapatkan keadilan, tiada kezaliman dalam apa jua bentuk, dan juga jaminan pemeliharaan harta. Jelas bahawa Piagam Madinah memberi jaminan yang sama kepada setiap penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai puak, agama dan latarbelakang. Isu penjagaan hak asasi ini diulangi sekali lagi dalam khutbah perpisahan Baginda s.a.w. yang disampaikan di padang Arafah, yang memberi jaminan keatas nyawa, harta dan kehormatan diri dan persamaan.

#### *Kebebasan dan Persamaan*

42. Menurut Sheikh Tahir Ibn Ashur kebebasan (*Al-Ḥurriyah*) yang dinikmati insan sebenarnya merupakan kesan dan hasil daripada prinsip persamaan (*Al-Musāwā*) kurniaan Allah s.w.t. bagi setiap insan. Sheikh Tahir menyatakan bahawa keseluruhan manusia itu sama pada tahap keinsanan (*Al-Bashariyyah*). Nabi s.a.w. bersabda yang

---

<sup>28</sup> Ahmad Al-Raisūniy, *Muḥāḍarāt fi Maqāṣid Al-Sharī'ah* (Mesir: Dār Al-Kalimah, cetakan kedua, 2013/1434H), p 249.

bermaksud: *Kesemua kamu berasal daripada Adam* (riwayat Al-Bazzar). Maka persamaan yang wujud adalah dari segi rupa, keturunan dan juga sebagai warga sesuatu negara. Hasil daripada persamaan ini kita mendapati persamaan manusia pada beberapa perkara dasar yang dipelihara syarak. Seperti hak asasi untuk hidup yang terzahir melalui pemeliharaan nyawa (*Hifzu al-Nafs*) dan keturunan (*Hifzu al-Nas*), hak untuk memperoleh harta (*Hifzu al-Mal*) sebagai sebab untuk meneruskan kehidupan. Bahkan hak untuk menetap di muka bumi dalam hal keadaan yang sempurna yang menjamin penerusan hidup yang bermakna, ia terhasil melalui penjagaan akal (*Hifzu al-'Aql*) dan juga penghormatan (*Hifzu Al-'Ard*).<sup>29</sup>

43. Sheikh Tahir ibn Ashur menegaskan bahawa prinsip persamaan (*Al-Musāwā*) merupakan diantara objektif yang mana syarak berusaha untuk memeliharanya (*Maqāṣid Al-Sharī'ah*).<sup>30</sup> Oleh itu, secara lumrahnya apabila syarak menetapkan persamaan antara anak adam, daripadanya akan terzahir makna kebebasan (*Al-Hurriyah*) di sisi Islam.

44. Kebebasan di sisi Islam direalisasikan pada pelbagai peringkat dan pada beberapa aspek. Sama ada ia terzahir pada aspek perbicaraan dan perbualan (*at-ta'bīr*), kebebasan mengeluarkan pendapat dan berijtihad. Termasuk juga melaksanakan *'Amr Ma'ruf Nahi Mungkar* dan bercambahnya pendapat yang berbeza.<sup>31</sup> Segala ini merupakan diantara manifestasi kebebasan di sisi Islam.

45. Kita menyaksikan kata-kata masyhur imam Malik rah, ketika beliau menolak saranan Khalifah Abu Jaafar Al-Mansur untuk menjadikan kitabnya, *Al-Muwatta'* sebagai satu-satunya rujukan masyarakat yang berada di bawah naungan pemerintahan khalifah. Beliau berkata: *Wahai Amirul Mukminin, janganlah anda lakukan perkara itu. Sesungguhnya telah sampai terlebih dahulu kepada mereka pendapat-pendapat [lain], mereka menyemak hadith-hadith. Dan setiap kaum mengambil dari apa yang datang terlebih dahulu kepada mereka daripada perselisihan para sahabat Nabi s.a.w. dan [perselisihan] selain mereka. Adapun untuk*

---

<sup>29</sup> Tahir Ibn Ashur, *Maqāṣid Al-Sharī'ah Al-Islāmiyyah*, (Tunis: Dar Sahnun, cetakan ke-6, 2014/1435H), p. 106.

<sup>30</sup> Ibid, p. 145.

<sup>31</sup> Abdullah bin Bayyah, *Hīwār 'an Bu'd Hawla Huqūq Al-Insān fi Al-Islām*, op. cit. p. 64.

*memalingkan mereka daripada hal tersebut merupakan satu perkara yang amat memberatkan. Maka biarkan manusia dengan apa yang mereka berada padanya.*<sup>32</sup>

46. Pendirian imam Malik tersebut mencerminkan kefahaman yang sebenar berkaitan kebebasan berfikir, mengeluarkan pendapat dan berijtihad. Atas dasar yang sama juga, kita menyaksikan bagaimana pendapat-pendapat ulama Islam bercambah dan berkembang. Ia kebebasan yang dibawa Islam kepada masyarakat dunia.

#### *Kebebasan insan dan penghambaan kepada Tuhan*

47. Melalui teks-teks agama yang pelbagai, terzahir padanya prinsip-prinsip utama hak kebebasan di sisi Islam, juga makna sebenar kebebasan di sisi Islam. Di waktu yang sama perlu dititikberatkan bahawa di sisi Islam kebebasan seorang mukmin itu adalah ketika beliau berada di bawah penghambaannya tuhannya.<sup>33</sup> Sheikh 'Alal Al-Fasiy berpendapat bahawa berdasarkan kefahaman ini tentang kebebasan, Saidina Bilal bin Abi Rabah dan Saidina Shuhaib Ar-Rumi *radiyallahuanhuma* menikmati kebebasan, walaupun jasad mereka ketika itu berada di bawah penghambaan.

48. Allah s.w.t. berfirman dalam surah Al-Bayyinah menjelaskan maksud sebenar kebebasan di sisiNya: *Orang-orang kafir daripada ahli kitab dan mushrikin tidak akan terlepas [munfakīna], sehingga datang kepada mereka bukti yang jelas nyata.* (Surah Al-Bayyinah:1). Menurut Sheikh 'Alal Al-Fasi, ramai mufassirin tidak memahami nilai kalimat (*munfakīna*) yang menurutnya menjelaskan erti sebenar kebebasan di sisi tuhan. Kalimat (*munfakīna*) bererti "bebas", oleh itu ayat tersebut membawa pengertian bahawa kaum mushrikin tidak akan berjaya menikmati kebebasan sehinggalah mereka memperolehi petunjuk dari Illahi melalui utusanNya.<sup>34</sup>

#### *Beberapa pertimbangan penting (Hak kebebasan)*

49. Panduan yang saksama juga perlu diberikan untuk mengenalpasti apanduan agama berkaitan hak kebebasan dengan pelbagai jenisnya. Daripada kebebasan bersuara, kebebasan untuk melaksanakan segala yang diingini seseorang dan

---

<sup>32</sup> Ibn Sa'd, *Thabaqat Ibnu Sa'd*, p. 440

<sup>33</sup> Muhammad Saied Ramadan Al-Bhouti, *Huriyyatu Al-Insān fi Zhil 'Ubūdiyatihī lillah*, (Damascus: Dar Al-Fikr, cetakan pertama, 1922/1413H) p. 43.

<sup>34</sup> Alal Al-Fasi, *Maqasid Al-Shariah*, 246-247.



sebagainya. Kebebasan tidak sama sekali berarti kebebasan untuk mencero bohi hak asasi individu lain, ataupun mengganggu ketenteraman masyarakat secara umum sehingga mengakibatkan kekecohan ataupun konflik.

50. Pada pandangan Islam, kebebasan berbicara tanpa pertanggungjawapan akan mengakibatkan kerosakan dan bencana. Sekiranya kebebasan berbicara dan menyuarakan pendapat diberikan kepada individu yang tidak bertanggungjawab serta memiliki kecenderungan untuk mengapi-apikan bibit permusuhan dan kebencian antara masyarakat, ia merupakan satu kebebasan yang tidak sejajar dengan panduan agama. Di sisi Islam, segala jenis kebebasan terikat dengan komitmen untuk menuruti kebenaran (*ḥaq*) dan untuk berlaku adil sentiasa. Segala yang tidak sejajar dengan panduan agama tersebut dianggap sebagai satu kebatilan. Seperti kenyataan Amirulmukmin, Saidina Ali r.a. berkaitan slogan golongan Khawarij untuk kembali kepada penghakiman Al-Quran, beliau berkata: *Kalimat yang benar (ḥaq) tetapi dipergunakan pada yang batil.*

#### *Ketiga: Pandangan tentang Syariah dan hukum-hakam Islam*

51. Sebahagian pihak memiliki tanggapan yang negatif terhadap Syariah. Ketika kedengaran kalimah “Syariah” yang difikirkan adalah hudud. Dan hudud pula menurutnya bererti memotong tangan dan hukuman rejam dan sebagainya. Sedangkan falsafah dan pemikiran dan juga hikmah disebalik hukuman hudud itu sendiri belum lagi difahaminya dengan tepat. Tambahan dari ini, istilah Syariah tidak hanya terbatas kepada beberapa hukuman jenayah yang boleh dihitng. Sekiranya ingin dibandingkan dengan aspek-aspek Syariah yang lebih luas, terdapat seribu satu keindahan Syariah ini. Ibn Qayyim Al-Jauzi menyatakan: *Syariah ini adalah adil secara keseluruhannya dan rahmat secara keseluruhannya dan hikmah secara keseluruhannya. Maka segala permasalahan yang terkeluar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmah kepada yang sebaliknya, dan daripada kemaslahatan kepada kemudaratan, dan daripada hikmah kepada sia-sia, maka ia bukanlah daripada Syariah, walaupun sekiranya ia disertakan [dalam Syariah] melalui takwil.*<sup>35</sup>

---

<sup>35</sup> Ibn Qayyim, *l'ām Al-Muqaqqi'īn*, p.1

52. Ini merupakan keindahan Syariah yang perlu diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat dan perlu dizahirkan. Menjadi tuntutan agama untuk umat Islam menjadi lambang di tenggah-tenggah masyarakat dunia dengan meninggalkan kesan, hasil daripada sumbangan yang berterusan kepada insan. Lembaran sejarah Islam, kaya dengan contoh-contoh yang membuktikan kebenaran kenyataan ini.

53. Syariah membawa nilai-nilai murni lebih daripada 1400 tahun yang dahulu. Nilai-nilai tersebut perlu diterapkan dan diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat. Prinsip keadilan -yang menjadi antara teras utama deklarasi Hak Asasi Manusia (UHRD) juga Deklarasi Islam Universal Tentang Hak Asasi Manusia dan Deklarasi Kaheerah- jelas terzhahir sebagai intipati ajaran ini. Bermula dengan aspek keadilan, yang merupakan antara prinsip utama yang dibawa Syariah. Allah s.w.t. menegaskan kepentingan aspek keadilan dalam perhubungan antara manusia. Firman Allah yang bermaksud: *“Jadilah kamu penegak keadilan, menjadi saksi karena Allah, sekalipun terhadap dirimu sendiri, ibu ayah atau kaum kerabatmu. Jika dia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu karena ingin menyimpang dari kebenaran dan jika kamu memutarbalikkan kata-kata atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan.”* (Surah An-Nisa’: 135) Pada ayat yang lain Allah s.w.t. menegaskan: *“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) karena Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, karena adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”* (Surah Al-Maidah: 8).

54. Ayat yang baru dinyatakan tadi merupakan antara dasar utama pengiktirafan Islam bagi beberapa nilai-nilai murni seperti keadilan, kebaikan, dan persamaan antara anggota masyarakat. Keadilan perlu ditegakkan tanpa mengambilkira perbezaan yang pelbagai.

55. Nilai keadilan yang dibawa Syariah merangkumi pelbagai perspektif dan peringkat daripada keadilan dalam memimpin, menghapuskan rasuah dan bersifat amanah, semuanya sebahagian daripada Syariah. Nabi bersabda: *Jika Fatimah binti*

*Muhammad mencuri, maka aku akan memotong tangannya.*<sup>36</sup> Begitu juga keadilan dalam menetapkan hukum, keadilan ketika menjadi pengikut, keadilan dalam kehidupan berkeluarga dan juga individu, bahkan aspek keadilan sehinggakan pada ciptaan Allah s.w.t.

56. Antara aspek Syariah yang perlu ditegakkan juga adalah pada aspek pendidikan, kesejahteraan sosial, keharmonian kehidupan bermasyarakat, antara bangsa dan juga antara agama yang pelbagai, perkara ini semua merupakan perkara yang amat dititikberatkan Syariah. Syariah mendatangkan dengan garis panduan dan ajaran-ajaran bagi menjamin kesejahteraan individu dan masyarakat, sama ada di dunia dan juga di akhirat. Masyarakat yang berjaya mengaplikasikan ajaran-ajaran tersebut, merupakan masyarakat yang dapat menjiwai Syariah, mengamalkan Syariah bahkan mendirikan Syariah pada diri dan juga masyarakat.

57. Nilai-nilai ini perlu diterapkan dalam kehidupan masyarakat kita pada pelbagai tahap dan peringkat. Ia perlu disemarakkan, sehingga Syariah terzhahir dalam kehidupan masyarakat Islam. Bahkan terzhahir juga keindahan dan syumulnya Syariah.

58. Usaha yang berterusan diperlukan untuk mewujudkan dan menyemarakkan perbincangan berkaitan identiti individu Muslim. Terdapat keperluan untuk memperkasakan kehidupan keagamaan di sisi masyarakat, agar masyarakat mampu menghargai dan menyelaraskan antara dua realiti, iaitu realiti kehidupan sebagai seorang Muslim yang berpandukan Syarak dan ajaran agama, pada waktu yang sama realiti kehidupannya pada konteks dunia modern pada konteks *nation-state*. Dan bagaimana kedua-dua realiti itu berjalan seiringan dan tidak bertembung antara satu dengan lain.

59. Kehidupan keagamaan kian terkesan dengan pelbagai perubahan dan kemajuan pesat yang berlaku sejak kebelakangan ini. Keadaan ini dihangatkan lagi oleh arus globalisasi, di mana cabaran yang dihadapi menjadi semakin hebat terutama sekali dalam sebuah negara seperti Singapura yang mengamalkan dasar terbuka dalam sistem ekonomi dan perdagangannya. Dalam dunia masakini yang begitu pesat

---

<sup>36</sup> Riwayat Al-Bukhari dan Muslim.

berubah dan saling bergantung, unsur-unsur budaya sama ada yang baik atau tidak, mudah meresapi sempadan setiap negara hasil daripada dasar terbuka tersebut. Memilih dasar memencilkan diri bagi mengatasi gejala ini bukanlah satu alternatif yang bijak. Lantaran itu, adalah amat penting sekali untuk memperkasakan iltizam kehidupan keagamaan kita demi memastikan faktor-faktor yang disebutkan tadi tidak akan berupaya menghakis daya ketahanan agama masyarakat. Dan pada waktu yang sama menghakis salah tanggapan dan prejudis terhadap Syariah.

### *Kesimpulan*

60. Deklarasi hak Asasi Manusia (UHRD) memberikan hak asasi bagi setiap insan. Walaupun ia digubal pada tahun 1948, dunia tetap menyaksikan pencerobohan hak asasi manusia dari masa kesemasa, penindasan yang berlaku hasil daripada perbezaan bangsa, agama, ras dan sebagainya. Punca dan sebab penindasan yang berlaku mungkin pelbagai, daripada sebab politik, kepada faktor ekonomi dan sebagainya. Akan tetapi persoalan yang paling penting, adalah bagaimana kita sebagai Muslimin yang mengetahui bahawa kebanyakan nilai-nilai murni adalah sebahagian daripada intipati ajaran agama ini; bagaimana kita memastikan bahawa hak-hak tersebut berjaya diterapkan pada negara-negara Islam? Sejauh mana umat Islam berjaya menerapkan dan mengaplikasikan hak asasi, kepada diri dan masyarakat? Sejauh mana kezaliman berjaya dihakis lalu digantikan dengan nilai-nilai keadilan, kesaksamaan dan keseimbangan? Sejauh mana kita memberi penekanan dan pemerhatian kepada aspek pendidikan? Hak golongan minoriti yang dipelihara Syarak, adakah ia berlaku secara tepat zaman ini?

61. Persoalan-persoalan ini semua merupakan soalan dasar yang merupakan cabaran bagi umat di zaman ini. Dunia dengan arus globalisasi seakan-akan menjadi sebuah bandar global. Apa yang berlaku di barat pastinya bakal memberi kesan kepada yang berada di timur, begitu juga sebaliknya. Kerana itu cabarannya adalah bagaimana kaum Muslimin dapat mengaplikasikan hak-hak kurniaan tuhan tersebut dalam kehidupan. Dan untuk merealisasikan Syariah dalam kehidupan seharian,

secara individu dan juga sebagai warga sesebuah negara dan juga anggota masyarakat dunia.